

Bukti keikhlasan PM: Najib

Pertemuan selesai 'masalah pentadbiran' menerusi perbincangan dari hati ke hati

PUTRAJAYA: Kesudian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertemu Tun Dr Mahathir Mohamad mencerminkan keikhlasan Perdana Menteri walaupun dikritik bekas pemimpin negara itu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kesudian Abdullah bertemu Dr Mahathir petanda baik dan sifat yang amat dihargai.

"Kita menganggap iai keikhlasan Perdana Menteri sebab walaupun kritikan itu hebat, beliau sanggup bersemuka... itu tanda sangat baik dan sifat dihargai," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont di sini semalam.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas kesudian Abdullah bertemu Dr Mahathir dan reaksi ahli Umno berikutan persetujuan bekas

pemimpin negara itu untuk menemui Perdana Menteri.

Pertemuan Abdullah dan Dr Mahathir, katanya, kena pada masanya kerana ia kehendak sebahagian besar ahli Umno agar bertemu dan bercakap dari hati ke hati serta bukan diselesaikan melalui kenyataan terbuka.

Najib berkata, perubahan diharapkan akan berlaku selepas pertemuan itu tetapi semua pihak perlu menunggu apa yang berlaku dalam perjumpaan kedua-dua pemimpin itu.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, semua peringkat kepimpinan Umno lega dan syukur Abdullah dan Dr Mahathir setuju untuk berbincang bagi menyelesaikan 'masalah dalam pentadbiran', sekali gus menamatkan kerisauan rakyat.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Ketua Menteri Melaka berkata, persetujuan

itu anugerah Ramadan dan Aidilfitri untuk merungkai segala isu berkaitan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, yang gembira dengan pertemuan antara kedua pemimpin itu, berharap ia dapat menyelesaikan segala salah faham yang timbul selama ini.

Di IPOH, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berharap pertemuan kedua-dua pemimpin negara itu akan menghasilkan sesuatu yang baik untuk agama, bangsa dan negara.

Di ALOR STAR, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata persetujuan itu petanda positif kepada perpaduan dalam Umno, kerajaan dan negara keseluruhannya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh,

"Mereka boleh meluahkan segala-galanya dalam keadaan tertutup dan mungkin lebih mudah beri penjelasan mengenai apa juga isu dan keputusan kerajaan"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

berharap pertemuan itu menjernihkan keadaan dan menjelaskan kekeliruan yang timbul.

Sementara itu, Pemangku Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, mahu perbincangan itu hanya membatik Abdullah dan Dr Mahathir tanpa kehadiran individu lain yang merosakkan suasana perbincangan.

Veteran Umno, Tan Sri Aziz Tapa, berharap pertemuan itu menjadi kenyataan bagi meredakan ketegangan hubungan antara mereka yang hanya merugikan kerajaan, Melayu, Umno dan rakyat jika berterusan.

Veteran Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani pula berharap pertemuan itu diadakan sebelum Aidilfitri biarpun sesibuk mana jadual Perdana Menteri atau Dr Mahathir.